



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

**MINIT MESUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2023**

Tarikh : 12 Disember 2023 (Selasa)
Masa : 2.30 – 4.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya / Atas Talian

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Dato' Adnan bin Hussain - Pengerusi
Ketua Pengarah Perikanan
2. Puan Shamila binti Zainol - Ahli
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
3. Mohamed Rizal Bin Mustafa @ Mustapha - Ahli
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Puan Agnes Caroline Anak Gibeau - Ahli
Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Puan Liza binti Long - Turut Hadir (Atas talian)
Jabatan Perikanan Laut Sarawak
6. Puan Nur Hidayati binti Abu Hairi - Setiausaha Pihak
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pengurusan
7. Puan Nurul Husna binti Zaidi - Urus setia
Bahagian Khidmat Pengurusan
8. Puan Faradila Laili binti Jun - Urus setia
Bahagian Khidmat Pengurusan

KEHADIRAN WAKIL PEKERJA:

1. Puan Anis Mazidah binti Abd Samad
Akademi Perikanan Malaysia
Naib Pengurus dan Wakil Pekerja G48
2. Encik Muhammad Shakirin bin Suhaimi
Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan
Pegawai Perikanan G41
3. Puan Rosliana Binti Zainal
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19 / N22 / N29 / N28 / N32 / N36)
4. Encik Magenthiran Hariz Putra bin Tharmalingam
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja Gred G19/G22/G26
5. Encik Mat Arif bin Mat Arof
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)
6. Encik Ahmad Sani bin Ahmad Razali
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/ N22/N26)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Wakil Pengurusan

1. Tn. Hj. Bohari bin Hj. Leng - Ahli
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
2. Tn. Hj. Wan Muhammad Aznan bin Abdullah - Ahli
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
3. Puan Hasliza binti Kasim - Ahli
Bahagian Khidmat Pengurusan

Wakil Pekerja

1. Encik Mohd Azrul bin Mahmod
Bahagian Akuakultur
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41/G44)

2. Puan Noraini Binti Md Nor
Cawangan Pengurusan Maklumat
Juruteknik Komputer / Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Pegawai
Teknologi Maklumat Gred FT19/F26, FA29/38 & F41/F48

1. UCAPAN ALUAN PENGERUSI MBJ

- 1.1. YBhg. Dato' Adnan bin Hussain selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal serta mengalu-alukan kehadiran Wakil Pengurusan dari Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Pn. Liza binti Long dan Naib Pengerusi MBJ, Puan Anis Mazidah binti Abd Samad secara atas talian.

Tindakan: Makluman

- 1.2. YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan syabas dan jutaan terima kasih kepada semua warga DOF di atas inisiatif sambutan Hari Perikanan Sedunia pada 21 November 2023 yang lalu dengan tema bagi tahun ini "*Celebrating the Wealth of Fisheries and Agriculture*". Sebagai tanda sokongan dan menyemarakkan lagi sambutan Hari Perikanan Sedunia, semua warga DOF telah berpakaian berwarna biru dan berkongsi gambar-gambar daripada setiap bahagian.

Tindakan: Makluman

- 1.3 YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan Jabatan ini juga telah menerima Sijil Penghargaan daripada YBhg. Dato' Seri Dr. Zulkapli bin Mohamed, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di atas pelaksanaan Mesyuarat MBJ sepanjang tahun 2022. Bagi tahun 2023, mesyuarat MBJ ini telah bersidang sebanyak empat kali termasuk mesyuarat MBJ Khas yang diadakan bertujuan untuk mendapatkan kelulusan bagi pindaan perlumbagaan MBJ baharu. YBhg. Dato' Pengerusi berharap agar Wakil Pengurusan, Wakil Pekerja dan pihak urusetia akan terus komited dalam mengadakan mesyuarat ini pada tahun 2024.

Tindakan: Makluman

- 1.4 Bulan November juga telah dipilih sebagai Bulan Integriti Nasional 2023 dengan tema pada tahun ini iaitu 'Integriti Citra Malaysia Madani'. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan DOF telah menerima Status Penarafan Risiko bagi Tahun 2023 daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan tahap risiko kategori 'Rendah'. Status ini menunjukkan penurunan risiko rasuah di Jabatan ini berbanding laporan yang telah dikeluarkan oleh pihak SPRM pada tahun 2020 dengan status

yang diperoleh ialah ‘Tinggi’. YBhg. Dato’ Pengerusi mengucapkan tahniah kepada semua warga DOF di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai penjawat awam yang berintegriti serta komited dalam meneruskan usaha mengurangkan risiko rasuah.

Tindakan: Makluman

- 1.5 Memasuki tahun baru dalam beberapa hari lagi, YBhg. Dato’ Pengerusi mengingatkan agar semua warga DOF terus komited di dalam melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dan seterusnya dapat mencapai KPI tahunan Jabatan sebagaimana yang telah ditetapkan. Diharapkan agar semua pencapaian yang telah diperoleh pada tahun ini dijadikan sebagai satu motivasi dan batu loncatan untuk terus ke hadapan dan seterusnya mengharumkan nama Jabatan ini diperingkat negara dan antarabangsa.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN WAKIL NAIB PENGERUSI MBJ

- 2.1. Naib Pengerusi MBJ, Puan Anis Mazidah binti Abd Samad mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan di atas penganjuran mesyuarat MBJ yang diadakan buat kali ke empat bagi tahun 2023. Beliau turut memaklumkan ini merupakan mesyuarat terakhir bagi semua ahli Wakil Pekerja lantikan sesi 2022/2024 dan turut mengucapkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Wakil Pengurusan dalam mengendalikan isu-isu yang di bangkitkan oleh Wakil Pekerja di dalam setiap mesyuarat MBJ yang diadakan.

Tindakan: Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 1 TAHUN 2023

- 3.1. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 2 Tahun 2023 diusul untuk disahkan tanpa sebarang pindaan oleh Pn. Hur Hidayati binti Abu Hairi dan telah disokong oleh Pn. Nurul Husna binti Zaidi.

Tindakan: Makluman

4. MAKLUM BALAS MESYUARAT MBJ BIL.1/2023

4.1. Sesi Penerangan Urusan Penambahbaikan Skim Pembantu Perikanan Gred G19 ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29

- 4.1.1. Wakil Pekerja melalui mesyuarat MBJ Bil. 2/2023 memaklumkan sesi penerangan kepada kakitangan skim Pembantu Perikanan Gred G19 perlu ditangguhkan terlebih dahulu memandangkan kertas cadangan penambahbaikan Skim G19 ke G29 yang asal telah diterima daripada APM.

Tindakan: Makluman

- 4.1.2. Walau bagaimanapun, Wakil Pekerja memaklumkan proses tersebut masih dalam peringkat pengemaskinian kertas cadangan penambahbaikan skim G19 ke G29 supaya dikemaskini mengikut keadaan semasa sebelum perbincangan lanjut dilaksanakan bersama Caw. Personel.

Tindakan: Makluman

4.2. Penghargaan bagi Pegawai yang Berkhidmat 25 Tahun ke Atas

- 4.2.1. Wakil Pekerja melalui mesyuarat MBJ Bil.1/2023 telah mencadangkan agar sijil penghargaan diberikan kepada kakitangan yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun di Jabatan ini. Susulan daripada cadangan tersebut, seramai 458 kakitangan telah dikenalpasti berdasarkan waran perjawatan yang terdiri daripada pelbagai tempat dan gred terlibat.

Tindakan: Makluman

- 4.2.2. Pengarah BPMI memaklumkan sijil-sijil tersebut telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' KPP dan akan diserahkan di dalam Majlis Perhimpunan Jabatan pada tahun 2024. Beliau turut memaklumkan sijil tersebut akan diserahkan melalui wakil Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri.

Tindakan: Makluman

4.3. Pindaan Perlembagaan MBJ

- 4.3.1. Selaras dengan kelulusan pindaan perlembagaan MBJ, lantikan Wakil Pekerja daripada pelbagai skim perlu dibuat sebagaimana yang telah diluluskan di dalam Perlembagaan MBJ baharu. Sebagaimana yang telah dipersetujui melalui mesyuarat MBJ Bil.2/2023, lantikan perlu

dibuat sebelum Februari 2024 mengambil kira tempoh sesi lantikan Wakil Pekerja sedia ada akan tamat.

Tindakan: Makluman

- 4.3.2. Wakil Pekerja memaklumkan pemilihan wakil akan dibuat melalui platform Google Form yang telah disediakan. Walau bagaimanapun, Naib Pengerusi memaklumkan sehingga hari ini, sambutan yang diterima adalah kurang memberangsangkan dan beliau akan mengambil langkah dengan memberikan peringatan pada pertengahan bulan Februari sekiranya terdapat skim perkhidmatan yang belum mempunyai cadangan wakil.

Tindakan: Makluman

- 4.3.3. YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan agar alternatif lain juga perlu dibuat dengan membuat hebahan melalui laman sesawang DOF di bahawah kategori Kakitangan dalam memastikan hebahan dapat dibuat secara menyeluruh kepada semua warga DOF. Beliau turut memaklumkan berikut pindaan perlembagaan MBJ, Wakil Pekerja juga boleh terdiri daripada kakitangan di peringkat negeri dan tidak tertakluk kepada kakitangan ibu pejabat sahaja. Mesyuarat turut bersetuju dengan cadangan Encik Magenthiran Hariz Putra bin Tharmalingam daripada Wakil Pekerja agar hebahan turut dibuat melalui emel kepada semua warga DOF memandangkan kebanyakannya kumpulan pelaksana kurang membuka laman sesawang jabatan.

Tindakan: Wakil Pekerja

5. ISU WAKIL PEKERJA

5.1. Kaedah kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Pegawai Perikanan Gred G44 ke Gred G48

- 5.1.1. Wakil Pekerja mencadangkan agar satu *Task Force* yang diketuai oleh Cawangan Personel, Bahagian Khidmat Pengurusan dapat diwujudkan bagi melihat alternatif laluan kenaikan pangkat untuk mengelakkan lambakan Pegawai Perikanan gred G44. Antara kaedah yang dicadangkan ialah kenaikan pangkat secara Khas untuk Penyandang (KUP) dari gred G44 ke G48 sebagaimana yang dilaksanakan bagi skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) boleh dijadikan panduan untuk digunakan oleh skim G (Perikanan).

Tindakan: Makluman

- 5.1.2. Pn. Nur Hidayati binti Abu Hairi, Ketua Cawangan Personel (KCP), BKP memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sedang melaksanakan Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam yang bertujuan untuk menambah baik sistem dan kecekapan Perkhidmatan Awam negara. Beliau turut memaklumkan antara perkara yang diberi perhatian dalam kajian ini adalah aspek pengurusan bakat termasuk peningkatan laluan kerjaya melalui kaedah kenaikan pangkat bagi pegawai berkelayakan melibatkan Skim Gunasama dan Bukan Gunasama (Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan & Profesional).

Tindakan: Makluman

- 5.1.3. Perkara ini turut dibangkitkan di dalam setiap sesi libat urus yang telah diadakan oleh JPA di dalam beberapa siri kajian (Julai hingga Ogos 2023) yang mana setiap sesi tersebut telah dihadiri oleh Caw. Personel mewakili DOF. Antara perkara yang turut dibangkitkan oleh agensi-agensi lain seperti MOSTI dan NRE di dalam sesi libat urus tersebut ialah kaedah kenaikan pangkat yang secara tidak langsung menunjukkan perkara ini tidak hanya berlaku di dalam skim perkhidmatan G (Pegawai Perikanan) sahaja malah turut berlaku di dalam lain-lain skim perkhidmatan.

Tindakan: Makluman

- 5.1.2 Puan KCP turut memaklumkan KPKM juga telah memohon data pegawai-pegawai bagi gred 41, 44 dan 48 di bawah Skim Perkhidmatan Dato' KPP yang telah memenuhi tempoh perkhidmatan yang telah digariskan. Maklumat tersebut telah dikemukakan kepada KPKM pada 21 November 2023 untuk diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum dikemukakan kepada pihak JPA.

Tindakan: Makluman

- 5.1.3 Berdasarkan pemakluman oleh Puan KCP, YBhg. Dato' Pengerusi berpandangan isu ini telah dibangkitkan oleh banyak pihak dan dalam perhatian pihak JPA memandangkan pelaksanaan kajian juga sedang dijalankan. Sehubungan itu, beliau berpandangan tiada keperluan bagi mewujudkan *Task Force* kajian kaedah kenaikan pangkat bagi Pegawai Perikanan Gred G44 ke Gred G48 buat masa ini sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Wakil Pekerja.

Tindakan: Makluman

6. HAL-HAL LAIN

6.1 Elaun Khas Kepakaran bagi Pakar Pukat di Akademi Perikanan Malaysia

- 6.1.1 Pegawai yang mempunyai kepakaran pukat di APM mencadangkan agar satu elaun khas di berikan di atas kepakaran mereka memandangkan mereka sering dijemput oleh jabatan/agensi luar sekiranya berlaku kes-kes berkaitan vesel dalam pengenalpastian pukat. Turut dicadangkan pada masa akan datang, pakar pukat juga terdiri daripada kumpulan Pengurusan & Profesional dan kumpulan Pelaksana.

Tindakan: Makluman

- 6.1.2 Maklum balas awal daripada Pn. Agnes Caroline Anak Gibea, Ketua Cawangan Kewangan (KCK) memaklumkan semakan dan kajian secara menyeluruh perlu dibuat memandangkan pemberian elaun khas adalah berdasarkan keunikan sesuatu bidang tugas. Selain itu, semakan punca kuasa serta rujukan perbandingan dengan mana-mana jabatan atau agensi lain berkaitan yang pernah melaksanakan pembayaran elaun khas kepakaran juga perlu dibuat sebelum permohonan pertimbangan dipanjangkan kepada pihak JPA. Satu semakan awal akan dibuat oleh Cawangan Kewangan bersama Cawangan Pengurusan Personel dan akan dibentangkan di dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan: KCK & KCP

- 6.1.3 YBhg. Dato' Penggerusi berpandangan khidmat nasihat pegawai yang mempunyai kepakaran berhubung pukat ini diperlukan terutamanya apabila dipanggil untuk hadir ke mahkamah bagi memberikan keterangan berhubung vesel dan pukat. Oleh itu, kepakaran mereka perlu diberikan pengiktirafan yang mana sebelum ini SEAFDEC menawarkan kursus-kursus dan memberikan pengiktirafan kepada pegawai yang menghadiri kursus tersebut. Melihat kepada keperluan ini, beliau memohon agar APM melihat semula keperluan kursus-kursus kepakaran kepada kakitangan DOF dengan kumpulan sasar terdiri daripada kumpulan pelaksana dan Pengurusan & Profesional.

Tindakan: APM

6.1.4 Pengarah BPMI memaklumkan Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan (BSPT) telah melaksanakan dua siri latihan dengan objektif melahirkan pakar pukat. Beliau turut memaklumkan BSPT juga dalam tindakan untuk memberikan pengiktirafan kepada pakar-pakar pukat yang telah berjaya menghadiri kedua-dua siri latihan.

Tindakan: Makluman

6.2 Penambahbaikan Skim Pembantu Perikanan Gred G19 ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29

6.2.1 Wakil Pekerja, Encik Magenthiran Hariz Putra bin Tharmalingam memohon penjelasan berkaitan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang dilaksanakan oleh pihak JPA turut merangkumi laluan kenaikan pangkat bagi kumpulan pelaksana.

6.2.1.1 KCP memaklumkan kajian yang dilaksanakan oleh JPA adalah secara menyeluruh meliputi semua skim perkhidmatan dan gred serta tidak tertakluk kepada laluan kenaikan pangkat sahaja. Walau bagaimanapun, beliau berpandangan alternatif lain laluan kenaikan pangkat bagi kumpulan pelaksana telahpun dilaksanakan seperti kenaikan pangkat secara *Time-Based Berasaskan Kecemerlangan dan Peningkatan Secara Lantikan* (PSL).

Tindakan: Makluman

6.2.1.2 YBhg. Dato' Pengerusi juga mempunyai pandangan yang sama berhubung laluan kenaikan pangkat kumpulan pelaksana seperti yang dimaklumkan oleh Puan KCP. Beliau tidak menafikan hak-hak kenaikan pangkat kumpulan pelaksana yang mana terdapat pegawai-pegawai yang telah dilantik ke Gred G29 setelah lulus peperiksaan PSL, namun peluang juga perlu dibuka kepada graduan-graduan pemegang Diploma untuk turut bersaing dalam mengisi jawatan di DOF.

Tindakan: Makluman

6.2.2 Setiausaha Wakil Pekerja, Encik Muhammad Shakirin bin Suhaimi memohon penjelasan sekiranya penambahbaikan skim Pembantu Perikanan Gred G19 ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 boleh dilaksanakan dengan cadangan Tukar Lantik dari Gred 19 ke Gred 29.

6.2.2.1 Puan KCP memaklumkan Jabatan ini baru sahaja diluluskan Penstrukturan Semula Organisasi & Pengukuhan Perjawatan pada Julai 2022. Sehubungan itu, sebarang cadangan penambahbaikan untuk penstrukturan semula memerlukan justifikasi yang kukuh untuk dikemukakan kepada pihak JPA. Beliau turut memaklumkan cadangan Tukar Lantik dari Gred G19 ke Gred G29 juga perlu mengambil kira implikasi-implikasi seperti kewangan dan proses aliran kerja di dalam sesebuah organisasi.

Tindakan: Makluman

6.2.2.2 Pengarah BPMI memaklumkan bahawa cadangan ini pernah dibentangkan di dalam satu mesyuarat dan pihak BKP telah memohon maklum balas daripada semua Pengarah Negeri dan Bahagian. Walau bagaimanapun, tiada tindakan susulan yang dilaksanakan disebabkan terdapat beberapa pengarah yang tidak bersetuju dengan cadangan tersebut.

Tindakan: Makluman

6.2.2.3 YBhg. Dato' Pengerusi berpandangan tiada tindakan susulan dibuat oleh pihak BKP disebabkan tidak mendapat persetujuan semua pengarah dan tidak mendapat kelulusan dasar. Beliau juga berpandangan sekiranya cadangan ini telah dipersetujui dan diluluskan diperingkat dasar, semestinya perkara ini telah diambil kira semasa kertas cadangan Penstrukturan Semula Organisasi & Pengukuhan Perjawatan dibentangkan kepada pihak JPA. Sehubungan itu, Jabatan ini tidak mempunyai sebarang perancangan untuk meneruskan permohonan cadangan Tukar Lantik Pembantu Perikanan Gred 19 ke Gred 29 sebagaimana yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Tindakan: Makluman

7. PENUTUP

- 7.1 YBhg. Dato' Pengerusi menasihatkan agar semua kakitangan DOF menghindarkan diri daripada amalan-amalan yang boleh menyebabkan siasatan oleh SPRM, Suruhanjaya Integriti atau mana-mana badan yang boleh menyebabkan imej Jabatan ini tercalar dan seterusnya menyebabkan status penarafan risiko yang diberikan oleh SPRM menjadi 'Tinggi'. Beliau berharap agar status penarafan yang diberikan bagi tahun 2023 ini dikekalkan dan semua kakitangan terus komited dan menjalankan tugas dengan berintegriti.

Tindakan: Semua warga DOF

- 7.2 Semua kakitangan juga adalah diingatkan untuk mematuhi semua tatacara dan garis panduan terutamanya dalam proses-proses kewangan agar teguran-teguran daripada Audit Dalam, Audit Negeri dan Audit Negara dapat dikurangkan. Beliau memohon agar semakan dari masa ke semasa dapat dibuat dengan pihak pengurusan sekiranya kurang jelas di dalam mana-mana prosedur. Pihak Pengurusan juga sentiasa terbuka dan bersedia untuk memberikan khidmat nasihat sewajarnya dalam memastikan semua prosedur dapat dipatuhi dan berjalan dengan lancar.

Tindakan: Semua warga DOF

- 7.3 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Tindakan: Makluman

DISEDIAKAN OLEH:



(NUR HIDAYATI BINTI ABU HAIRI)
Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia



(ENCIK MUHAMMAD SHAKIRIN BIN SUHAIMI)
Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia
10/10/2024

